



IKLAN JAWATAN KOSONG
MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON

(KEUTAMAAN KEPADA ANAK NEGERI SEMBILAN)

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

BIL	NAMA JAWATAN / GRED	KEKOSONGAN	JADUAL GAJI		KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
			MINIMUM	MAKSIMUM	
1.	Pegawai Undang-Undang L41 [Tetap]	1	RM2,418.00	RM9,607.00	RM225.00

* Jadual gaji di atas tidak termasuk Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA), Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan Bantuan Sara Hidup (BSH).

A. SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi dari 45 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

B. KELAYAKAN LANTIKAN:

- i) Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred L41 : RM2,418.00); atau
- ii) Lulus Peperiksaan Akhir Peguam (Bar Final Examination).

(Gaji permulaan ialah pada Gred L41 : RM2,418.00).
- iii) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred (C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat Peningkatan Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Undang-Undang atau Jurubahasa Gred LA29/30, LA32, LA38, LA40 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Undang-Undang Gred L41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;

- a) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(i), 1(ii), dan 1(iii); dan
- b) Had umur pelantikan:
 - i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
- c) Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred L41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

C. CARA MEMOHON:

- i) Borang permohonan boleh dimuat turun di laman web rasmi MPPD di www.mppd.gov.my.
- ii) Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan salinan maklumat-maklumat yang **DIAKUI SAH** oleh Pegawai Kerajaan Gred A (Gred 41 dan ke atas)/Penghulu/Pengerusi JKKK.
 - a. Gambar warna ukuran pasport;
 - b. My Kad/Kad Pengenalan;
 - c. Sijil kelahiran (surat beranak);
 - d. Sijil berhenti sekolah;
 - e. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM);
 - f. Ijazah dalam bidang yang berkaitan;
 - g. Sijil-sijil berkaitan.
- iii) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang berkhidmat dengan Kerajaan/Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing dan menyertakan bersama-sama dengan **Kenyataan Perkhidmatan** yang dikemaskini dan **Laporan Prestasi Tahun 2018 (perlu diakui sah oleh Ketua Jabatan di setiap helaian)**.
- iv) Nama jawatan hendaklah ditulis di bahagian atas sebelah kiri sampul surat dan borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat seperti di bawah:

**Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Port Dickson,
Km 1, Jalan Pantai,
71009 Port Dickson.
(u.p.: Jabatan Pentadbiran dan Sumber Manusia)**

D. TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 20 DISEMBER 2019

E. PERMOHONAN YANG BERIKUT AKAN DITOLAK SEKIRANYA:

- i) Borang permohonan tidak lengkap atau tidak bergambar;
- ii) Tidak memenuhi syarat iklan; dan
- iii) Tidak disertakan dokumen sokongan yang diakui sah dan tidak ditandatangani.

F. PERHATIAN:

- i) Hanya calon yang berkelayakan selepas tapisan/senarai pendek sahaja akan dipanggil untuk ujian bertulis dan temu duga melalui panggilan telefon atau surat.
- ii) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan **selepas tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya (tiada makluman bersurat/telefon akan dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Port Dickson).
- iii) Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temu duga dan segala keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah **MUKTAMAD**.